

<b>Headline</b>	<b>Kaedah baharu pengurusan air kumbahan terawat</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>02 Apr 2019</b>	<b>Color</b>	<b>Black/white</b>
<b>Section</b>	<b>Selangor &amp; KL</b>	<b>Circulation</b>	<b>140,000</b>
<b>Page No</b>	<b>22</b>	<b>Readership</b>	<b>420,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>118 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 1,162</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 3,486</b>



## Kaedah baharu pengurusan air kumbahan terawat

**KUALA LUMPUR-** Indah Water Konsortium (IWK) menemui kaedah baharu dalam pengurusan air kumbahan terawat (bioefluen) yang dijangka dapat mengurangkan 20 peratus penggunaan tenaga.

Pengurus Kanan Bahagian Teknologi dan Inovasi IWK Khor Bee Chin berkata kaedah yang dinamakan sebagai 'bioteknologi indigenous mikrob' itu merupakan hasil penyelidikan IWK dan bakal menjalani projek perintis di sekitar Lembah Klang pada Jun ini.

"Menerusi kaedah ini

kami berjaya mengasingkan bakteria yang berfungsi mengurangkan jumlah ammonia daripada air kumbahan dengan menggunakan tenaga yang minimum.

"Kita juga dapat cara bagaimana untuk menghasilkan dan menyimpan bakteria untuk kegunaan yang lain," katanya dalam satu temubual di Pusat Penyelidikan IWK, di sini, semalam.

Khor berkata, penggunaan kaedah itu sekali gus mengurangkan kos operasi yang semakin meningkat, tanpa menjaskan

kualiti perkhidmatan kepada pengguna.

Khor berkata, IWK juga menjalankan projek perintis lain, antaranya mengitar semula air kumbahan terawat bagi mengantikan penggunaan baja kimia menggunakan kaedah bio-solid.

"Kami masih mencari rakan strategik untuk bekerjasama memasarkan baja hasil penyelidikan makmal kami untuk kegunaan industri. Baja ini telah diuji bertindak lebih baik daripada baja kimia hasil kolaborasi UPM dan FRIM," katanya-Bernama